



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

GTP, ETP tingkat taraf hidup rakyat

UM-20/3/2013

KUALA LUMPUR 19 Mac - Taraf kehidupan rakyat Malaysia kini semakin bertambah baik sejak Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilaksanakan tiga tahun lepas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara di Angkasapuri di sini

hari ini, menghuraikan faktor-faktor tersebut seperti:

- Pendapatan Negara Kasar (PNK) meningkat daripada US\$257 pada tahun 1957 kepada US\$9,970 pada tahun 2012.

- Pendapatan isi rumah bulanan purata meningkat daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012.

- Kadar kemiskinan terus me-

nurun daripada lebih 60 peratus pada awal kemerdekaan kepada 1.7 peratus pada tahun 2012.

- Jurang pendapatan di kalangan rakyat Malaysia bertambah baik dengan kadar Pekali Gini menurun kepada 0.431 pada tahun 2012.

- Kadar inflasi negara kekal berada di paras yang rendah iaitu 1.2 peratus pada Disember 2012. Kadar ini adalah antara yang terendah di

rantau ini.

- Kuasa beli rakyat Malaysia adalah hampir dua kali ganda pendapatan per kapita yang ada.

- Kemampuan rakyat teramai untuk pergi melancong, mengerjakan umrah, memiliki lebih daripada satu kenderaan dan telefon pintar, pelaburan di dalam unit amanah dan hartanah serta pelbagai lagi.

- Kerajaan memperuntukkan

RM2.34 bilion bagi program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk lebih enam juta rakyat.

- Kerajaan memperuntukkan RM37.8 bilion untuk membiayai pelbagai subsidi untuk menanggung kos kehidupan seharian rakyat.

- Lebih 100,000 orang berjaya dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan dalam tempoh tiga tahun di bawah program e-Kasih. - BERNAMA